




SUARA

# AL-HIDAYAH

untuk ahli kariah sahaja



Selamat Menyambut Awal Muharram 1427H



## Sekitar Program Korban 1426H

Pada 10 Januari 2006 bersamaan dengan 10 Zulhijjah 1426 yang lalu, semua umat Islam diseluruh dunia merayakan Hari Raya Aidil Adha atau dikenali juga sebagai Hari Raya Korban. Hari memperingati kesanggupan Nabi Allah Ibrahim mengorbankan putera kesayangan Nabi Allah Ismail lantaran perintah daripada Allah.

Alhamdulillah, pada tahun ini sebanyak 5 ekor lembu telah dikorbankan di Surau Al-Hidayah. Selepas menunaikan solat sunat Aidil Adha, ahli kariah telah mula berkumpul di bangsal dan siap sedia dengan pisau, parang dan kapak masing-masing. Penyembelihan telah diketuai oleh Tuan Hj Mohd Halime bin Mufti yang juga pembekal lembu-lembu korban serta Sdra Rashidi Abdullah.

Seperti biasa, para petugas sukarela dari ahli kariah Surau Al-Hidayah bersama berganding bahu melancarkan kerja-kerja menyembelih, melapah dan membahagikan daging-daging lembu tersebut. Berbanding dengan tahun lepas, penglibatan tahun ini nampaknya lebih ramai lagi.



Kira-kira pada pukul 10.15 pagi, lembu pertama selamat disembelih dan setengah jam kemudian kerja-kerja melapah dimulakan, bermula dengan menyiat kulit lembu, memotong bahagian peha dan seterusnya bahagian lembu yang lain. Setiap bahagian lembu diserahkan kepada kumpulan korban dan para petugas. Jamuan nasi dan yang memotong daging-daging lembu kepada bahagian yang lebih kecil sebelum menimbang dan membungkusnya. Setiap bungkusan mengandungi kira-kira 500 gram daging lembu. Penyembelihan lembu kelima selesai kira-kira jam 11.15 tengahari.

korban dan para petugas. Jamuan nasi dan sup tulang dihidangkan kepada ahli kariah selepas solat Zuhor di Surau Al-Hidayah. Barangkali disebabkan kepenatan bertugas, juadah yang disediakan habis dalam masa yang begitu singkat.

Pada masa yang sama sekumpulan petugas lain menyediakan rempah ratus dan ramuan untuk penyediaan dua kawah besar sup tulang. Penyediaan juadah sup tulang telah diketuai oleh Sdra Abdul Mofti. Pada kira-kira pukul 12.30 tengah hari, semua daging lembu selamat dibahagikan kepada para peserta

Syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana ibadah korban kali ini selamat dikendalikan dengan teratur. Pihak Surau Al-Hidayah mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta korban dan para petugas yang telah bertungkus lumus memastikan kerja-kerja berjalan dengan lancar. Semoga semuanya diterima oleh Allah sebagai ibadah.

**Suara Al-Hidayah Diterbitkan Oleh Biro Penerangan & Penerbitan Surau Al-Hidayah Saujana Utama. Segala Kandungan Tidak Semestinya Mencerminkan Pandangan AJK Surau Al-Hidayah. Semua komen Dan Cadangan Boleh Dikemukakan Kepada Mohd Nazri di [nazri@hekmat.com.my](mailto:nadzri@hekmat.com.my)**



## Dari Meja Pengarang



Bertemu kembali setelah beberapa keluaran Suara Al Hidayah dapat kami sajikan kepada seluruh ahli kariah. Harapan kami agar semua pembaca akan terus setia menjadi pembaca utama buletin ini. Bagi pihak kami, persembahan dan kandungan yang lebih menarik serta lebih berinfomasi akan terus disajikan.

Suara Al Hidayah edisi Awal Muharram ini memuatkan berita yang berlaku sekitar 3 bulan yang lalu di surau kita serta makluman beberapa program akan datang. Turut dimuatkan adalah Laporan Khas dalam Visi Penghantaran Sumbangan Ikhlas daripada ahli kariah ke Darul Atiq yang sedikit sebanyak memberi iktibar dan pedoman yang berguna.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud "Hanya orang-orang mukmin yang dapat mengimarahkan ( meramaikan ) rumah-rumah Allah ( masjid-masjid atau surau-sarau )". Berdasarkan kepada firman tersebut, maksud mengimarahkan masjid itu bukanlah sekadar tertumpu kepada ibadah khusus seperti sembahyang berjemaah tetapi ianya boleh diperluaskan maksudnya dengan melibatkan diri melalui segala aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid mahu pun surau. Bagi memenuhi maksud firman Allah S.W.T tersebut, maka pihak surau sentiasa merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dengan satu tujuan agar hati-hati ahli kariah dapat disatukan dibawah lembayung Allah S.W.T.

Dalam pada itu, besar harapan kami agar Suara Al-Hidayah terus menjadi wadah informasi buat ahli kariah Surau Al-Hidayah Saujana Utama mengenai aktiviti serta pencapaian surau. Semoga maklumat yang disalurkan memberi faedah dan pengetahuan yang amat berharga kepada para pembaca ahli kariah khususnya dan semua pembaca amnya. Selain daripada Suara Al-Hidayah, pihak surau nampaknya melangkah setapak lagi dengan pengemaskinian semula laman web surau. Ini bermakna laman web <http://alhidayah-su.cjb.net> tidak lagi digunapakai. Laman web berwajah baru ini akan menyalurkan berita terkini aktiviti surau lebih terkini berbanding Suara Al-Hidayah. Oleh itu, selalulah ke <http://alhidayah.saujanautama.com>.

Akhir kata Selamat Menyambut Awal Muharram. Semoga tahun 1427H ini lebih baik daripada tahun 1426H yang lalu. Meningkatkan ilmu, iman dan amal serta meningkat komitmen untuk mematuhi hukum Allah. Apalah ertinya penghidupan di dunia ini tanpa adanya alam akhirat ? Renungi bersama. Jika kita yakin dengan janji Allah, dunia umpama ladang dan di akhirat sanalah tempat kita menuai hasilnya yang abadi.

Salam muhibah penuh ceria. Selamat membaca.

### editorial

Penasihat  
Hassan Masrom

Ketua Editor  
Mohamad Nadzri Abdul Rahim

Editor  
Norizmin Hasbullah  
Suffian Sulaiman

Foto  
Azrul Faizi Abdul Rahman

Pengiklanan  
Mohd Azmir Hanifah  
Tel : 013-6344559

Kartunis  
Fakaruddin Ismail

Hakcipta Terbitan  
Surau Al-Hidayah Saujana Utama  
Persiaran Saujana 2, Saujana Utama  
47000 Sungai Buloh  
Selangor Darul Ehsan.  
<http://alhidayah.saujanautama.com>

### Fadhilat Puasa Hari 'Asyura

Daripada Abdullah bin Ma'bad az-Zamani daripada Abu Qatadah bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud : "Berpuasalah pada hari 'Asyura ( ke-10 Muharram ), sesungguhnya aku mengharapkan atas Allah SWT bahawa Dia akan menghapuskan dosa setahun yang sebelumnya". ( H.R. Imam Tarmizi)

editorial





## Jamuan Raya Kita Sekampung



Surau Al-Hidayah bersama SUTRA dan Rukun Tetangga ( Sektor Anggerik, Cemara, Flora dan Lili ) telah menganjurkan Majlis Hari Raya Kita Sekampung di Dataran Al –Hidayah pada 15hb November 2005 yang lalu bersamaan dengan 14 Syawal 1426H. Sebagaimana biasa, majlis tersebut diadakan untuk merapatkan lagi silaturrahim antara penduduk Saujana Utama tanpa mengira kaum dan keturunan. Majlis disajikan dengan penyediaan juadah seperti nasi himpit, soto, keropok lekor, pelbagai kuih muih dan minuman.

Para hadirin mulai membanjiri perkarangan Surau Al-Hidayah pada pukul 10 pagi. Antara tetamu khas yang turut hadir ialah En Jakiran Jacomah yang merupakan ahli Majlis Daerah Kuala Selangor bagi mewakili MDKS.

Antara lain dalam ucapannya, beliau berjanji untuk memastikan prasarana di Taman Saujana Utama di peringkat, termasuk masalah jalan ke Lebu Puncak Alam. Beliau turut menyampaikan majlis cenderahati kepada para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR, PMR dan SPM yang disediakan oleh pihak penganjur. Diharapkan agar mereka akan terus cemerlang pada masa hadapan serta menjadi contoh kepada yang lain.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan nasyid dari salah sebuah kumpulan nasyid terkenal tanah air iaitu, Kumpulan Nasyid Mestica. Majlis berakhir pada kira-kira pukul 2.30 petang, ketika hujan turun dengan lebatnya.

## Berkhatan Beramai-Ramai

Berkhatan merupakan aktiviti tahunan dan tahun 2005, masuk tahun ketiga pelaksanaannya. Aktiviti ini telah diadakan pada 27 November 2005 dengan penyertaan sebanyak 14 orang kanak-kanak. Antara tujuan pihak surau mengadakan majlis khatan beramai-ramai ini adalah untuk berkongsi pengalaman, keseronokan dan mengurangkan rasa takut di kalangan anak-anak yang akan berpindah ke alam remaja. Selain majlis doa selamat ringkas yang diadakan sebelum majlis, turut diadakan sesi bergambar, jamuan ringan serta penyampaian cenderahati kepada peserta. Bagi kebanyakan peserta, hadiah 'brick game' merupakan sesuatu yang begitu disukai.

Bila di kenangkan zaman dahulu, terasa seronok dan tidak ingin terlepas peluang untuk menikmati pengalaman seperti yang dijalankan oleh pihak Surau Al-Hidayah, Saujana Utama itu. Apakan daya, hanya sekali dalam seumur hidup. Oleh yang demikian, bagi ibu bapa yang mempunyai perancangan untuk mengkhatakan anak, maka jangan lepaskan peluang pada tahun hadapan.



## Meraikan Bakal Haji

Satu majlis ringkas bagi meraikan bakal haji dari kariah Surau Al-Hidayah Saujana Utama telah diadakan pada 27hb November 2005, mulai 7.00 malam. Majlis telah diisikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Hj Zulkefli bin Hj Abdul Malek, solat hajat, penyampaian cenderahati serta jamuan ringan. Sebanyak 3 pasangan suami isteri telah diraikan pada malam tersebut.



## Jual Beli Buku Teks Terpakai

Aktiviti Jual Beli Buku Teks Terpakai telah diadakan di Bangsal Al-Hidayah pada hari Ahad, 11 Disember 2005 mulai jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari. Selain daripada menyahut seruan konsep gunasemula, aktiviti ini diadakan bagi memberikan kemudahan dan meringankan bebanan para ibubapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak pada awal 2006. Menerusi aktiviti ini sebanyak RM 368.50 berjaya diperolehi oleh pihak surau hasil jualan buku terpakai yang disumbangkan kepada surau. Manakala lebihan buku yang terkumpul dijual di Pusat Kitar Semula.



## Anda Mempunyai Suratkhbar Lama Atau Pakaian Terpakai ?

Pengumpulan suratkhbar lama sepanjang masa sedang berjalan di Surau Al-Hidayah. Sumbangkan suratkhbar lama yang ada di rumah anda kepada Surau Al-Hidayah. Hasil jualan suratkhbar lama akan dimasukkan kedalam Tabung Surau Al-Hidayah. Bawa dan letakkan di tempat yang disediakan di Surau Al-Hidayah. Jualan pertama surat khbar lama pada 21 Januari mendapat RM 64.20.

## Ceramah Oleh Azmil Mustapha

Satu ceramah khas telah disampaikan oleh Sdra Azmil Mustapha pada 17 Disember 2005. Sdra Azmil, 53 tahun merupakan seorang bekas pelakon terkenal pada tahun 1980'an. Beliau pernah menerima anugerah sebagai Pelakon Filem Terbaik dalam Festival Filem Malaysia. Dalam ceramahnya beliau telah cuba menjelaskan bagaimana senario kecelaruan dunia ketika ini. Menjelaskan bagaimana detik permulaan 'turning-point' daripada bidang perfileman kepada dunia dakwah, beliau menjelaskan bahawa semuanya bermula daripada bacaan serta terjemahan ayat suci Al-Qur'an dalam akhir siaran rancangan TV saban malam. Tertarik dengan ayat serta terjemahan, lantas sedikit demi sedikit beliau mendalaminya.

Bagi anda yang tertinggal mengikuti ceramah beliau, layarilah laman web Surau Al-Hidayah.

## Mengecat Surau

Kerja-kerja mengecat sebahagian daripada dinding dalam Surau Al-Hidayah telah diadakan pada 17 Disember 2005. Ini adalah merupakan kali pertama bahagian dalam surau dicat semula agar lebih indah dan menarik dipandang mata. Pemilihan warna dibuat berdasarkan warna permaidani serta tabir muslimat.

Kira-kira 30 orang telah turut serta dalam kerja yang dibuat secara gotong royong ini. Kerja-kerja menulis tandanama Surau Al-Hidayah di pintu masuk utama turut dilakukan, walaupun dalam cuaca hujan gerimis. 'Barulah surau kita ada nama', kata seorang ahli kariah yang enggan disiarkan namanya.

Lawatilah laman web Surau Al Hidayah untuk maklumat dan perkembangan terkini. Ada koleksi ceramah, artikel pilihan, gambar aktiviti yang lalu dan banyak lagi. Semuanya di <http://alhidayah.saujanautama.com>

Surau Al-Hidayah saujana utama





## Hari Pertama Persekolahan KIDaS

Hari persekolahan pertama bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan adalah serentak pada 3 Januari 2006. Ini bermakna, selain daripada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah yang memulakan persekolahan, KAFA Integrasi Darul Syahadah ( KIDaS ) turut tidak ketinggalan. Ibu bapa turut berkumpul di perkarangan Surau Al-Hidayah untuk menghantar anak-anak mereka.

Untuk tahun 2006, KIDaS tidak melanjutkan tempoh penggunaan premis di SMK Saujana Utama ( SMKSU ) kerana disebabkan penambahan pelajar di SMKSU sendiri. Sebaliknya, KIDaS terus beroperasi dalam 5 unit kontena serta tiga unit kedai yang disewa di Jalan Dahlia 3. Keseluruhan pelajar KIDaS sehingga kini dianggarkan kira-kira 800. Kelas bagi pelajar tahun 1, 5 dan 6 adalah pada sesi petang, manakala tahun 2,3 dan 4 pada sesi pagi.

Sebagaimana biasa, suasa hari pertama agak kelam kabut khususnya di bagi kelas di unit kedai kerana kelengkapan masih belum mencukupi. Ini disebabkan pihak KIDaS baru sahaja diberikan kebenaran masuk oleh tuan punya kedai di No 4 dan 6 Jalan Dahlia 3. Manakala kedai No 14, baru boleh digunakan mulai minggu kedua.



Darihal KAFA Integrasi Darul Syahadah

## Pembinaan Bangunan KIDaS

Rancangan untuk membina bangunan KIDaS di kawasan Surau Al-Hidayah yang dijangka menelan belanja sebanyak RM750,000 sedang berjalan. Kelulusan mengutip derma daripada pihak JAIS telahpun diperolehi.

Untuk tujuan ini, sokongan dan kerjasama daripada semua ahli kariah dipohonkan dengan :-

a. Jika ingin membuat kutipan di tempat kerja masing-masing, hantarkan SMS ke 019-6102095 dengan menaipkan

[DERMA KIDAS]<space>OFIS

b. Jika mempunyai nama dan alamat penderma berpotensi daripada kalangan individu, ahli korporat sila SMS ke 019-6102095 dengan menaipkan

[DERMA KIDAS]<space>KORPERAT

Menerusi SMS yang dihantar, tindakan susulan daripada pihak AJK Pembinaan Bangunan

KIDaS akan dilakukan, seperti menyediakan surat rayuan serta dokumen sokongan yang berkaitan.

Marilah bersama memikirkan cara untuk mengumpulkan wang sejumlah itu demi memastikan anak-anak mendapat didikan asas Al-Qur'an dan Fardhu Ain dengan selesa. AJK Pembinaan KIDaS turut merangka berbagai aktiviti untuk mengumpul wang tersebut. Namun sokongan dan kerjasama dari semua ibu bapa khususnya dan penduduk Saujana Utama amnya amatlah diperlukan.

**Jumlah Tabung  
Pembinaan KIDaS  
Setakat  
31 Januari 2006**



**RM 22,534.00**

## KURSUS MOTIVASI DAN PENGURUSAN KIDaS

Kursus ini diadakan di kelab Golf Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur pada 7 dan 8 Januari 2006. Semua tenaga pengajar, kerani serta AJK Pengurus KIDaS telah hadir. Kursus ini diadakan untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran di kalangan guru dalam usaha memberikan didikan yang terbaik kepada pelajar KIDaS. Menerusi kursus ini, diharapkan dapat meningkatkan persefahaman dan saling kerjasama di kalangan AJK Pengurus dengan guru bagi menjadikan perjalanan KIDaS lebih cekap dan berkesan.

Perasmian kursus telah dilakukan oleh Ustaz Syahrinnizat Bin Haji Musa, Nazir Sekolah Islam Daerah Kuala Selangor. Dalam ucapannya beliau mengucapkan tahniah atas keupayaan pihak AJK KIDaS menjayakan kursus ini. Seterusnya beliau menjelaskan antara program turun padang beliau untuk tahun 2006 ialah memastikan perjalanan setiap KAFA di daerah Kuala Selangor serta pemantauan pengajaran dan pembelajaran.

Kursus telah dipenuhi dengan pembentangan dan perbincangan berikut :

- Ceramah Pengendalian Bilik Darjah Berkesan Oleh Ustaz Mohd Jamil Mahmud ( Guru Besar SRA Sg Sembilang )
- Ceramah 'Mensejajarkan Misi Peribadi Dengan Misi Organisasi', Oleh Ustaz Hashim Ahmad ( Fitrah Perkasa )
- Cadangan Peraturan Guru & Sekolah Oleh Pengerusi KIDaS, Sdra Hassan Masrom
- Pengurusan Kewangan KIDaS Oleh Sdra Mohd Azmi Mustapa ( Bendahari KIDaS )
- Pengenalan Sistem Pengurusan Fail Oleh Sdra Jamil Alias ( AJK KIDaS )
- Panduan Menulis Surat Rasmi Oleh Sdra Ahmad Yani Abdul Manaf ( Naib Pengerusi KIDaS )


Kursus diakhiri dengan Mesyuarat AJK Pengurus KIDaS serta dialog antara AJK Pengurus dengan semua tenaga pengajar. Pada akhir majlis, Pengerusi KIDaS menyeru agar semua pihak dapat berganding bahu memperbaiki pengurusan KIDaS dan meletakkan KIDaS antara KAFA yang disegani di daerah Kuala Selangor daripada segi pengurusan dan pencapaian akademik pelajar, walaupun masih belum mempunyai bangunannya sendiri.



**Hari Kecemerlangan KAFA Integrasi Darul Syahadah  
11 Februari 2006 ( Sabtu ), 8.30 Pagi, Di Dataran Al-Hidayah  
Semua Iubapa Penjaga Dan Anak-Anak KIDaS Dijemput Hadir**



# MISI PENGHANTARAN SUMBANGAN KE DARUL ATIQ



Misi kunjungan penduduk Saujana Utama ke Pusat Tarbiyah Islamiyah Darul Atiq ( Darul Atiq ) telah dilakukan pada hari Ahad 18hb Disember 2005. Darul Atiq merupakan perkampungan di Kg Melayu Rasa, Hulu Selangor yang diusahakan oleh Ustaz Ghazali Hasbullah sejak 1982 bagi membantu mereka yang menghadapi pelbagai masalah bimbingan, sosial dan keagamaan.

Kunjungan yang dilakukan adalah hasil kerjasama Saujanautama.com dan Surau Al-Hidayah yang telah bergabung mendapatkan sumbangan daripada orang ramai, khususnya penduduk Saujana Utama. Turut serta dalam rombongan ialah crew Saujanautama.com, AJK Surau Al-Hidayah serta beberapa orang penduduk. Rombongan bertolak jam 9.15 pagi bersama sumbangan yang berjaya dikumpulkan termasuk sebuah kereta terpakai untuk kegunaan Darul Atiq. Sumbangan lain adalah berupa makanan, minuman, pakaian baru dan terpakai, kain pelikat dan kain batik baru, tilam, katil tingkat serta wang tunai.

dan perempuan berumur dari 10 hingga 15 tahun serta dewasa sehingga 70 tahun.

Sdra Hassan Masrom dalam ucapan balasnya mewakili rombongan, menyeru agar pihak pengurusan Darul Atiq terus tabah menempuh sebarang dugaan dan melahirkan keyakinan bahawa usaha murni yang dilakukan oleh Darul Atiq akan mendapat pertolongan Allah. Sambil memperincikan sumbangan yang diberikan, beliau berharap sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan pihak Darul Atiq. Selepas memunggah barang, kami diberikan jamuan ringan di Pejabat dan kemudiannya dibawa melawat sekitar kawasan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang menghulurkan sumbangan pakaian, makanan, minuman dan sebuah kenderaan untuk kegunaan Darul Atiq. Tidak lupa juga penghargaan kepada Car Wash MRJ yang mencuci luar dalam serta enjin secara percuma dan Muthalib Auto yang mengubahsuai *deskboard* kereta, juga secara percuma.

Kunjungan membawa sumbangan ini merupakan suatu permulaan. Misi yang serupa akan diteruskan bagi membantu sesetengah masyarakat yang dhaif dan memerlukan bantuan. Oleh yang demikian Surau Al-Hidayah serta Saujanautama.com masih memerlukan sumbangan secara berterusan daripada orang ramai untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Ini termasuklah wang tunai, pakaian terpakai dan makanan kering. Kepada yang berhajat, harap dapat isikan borang yang disediakan atau hubungi Sdra Rosmin 012-2618070. Untuk lagi gambar dan berita selanjutnya, layarilah [www.saujanautama.com](http://www.saujanautama.com) dalam forum BANTU@SAUJANA.



Rombongan tiba kira-kira jam 11.00 pagi dan disambut dengan penoh mesra oleh penghuni Darul Atiq yang diketuai oleh Mudir Darul Atiq sendiri iaitu Ustaz Ghazali Hasbullah. Dalam ucapan alu-aluannya Ustaz Ghazali menerangkan kedudukan Darul Atiq yang telah ditubuhkan sejak 20 tahun lalu serta menceritakan susah payah dan rintangan yang ditempuhinya. Kebanyakan penghuni ialah kanak-kanak lelaki



**Kepada sesiapa yang berminat untuk menghulurkan bantuan, gunakan borang di halaman 8 ...**

## MUHASABAH DIRI SEMPENA TAHUN BARU HIJRAH

Bila kita akan berangkat dari alam ini (Dunia) ianya ibarat penerbangan ke sebuah negara lain iaitu - Kubur dan Akhirat. Di mana maklumat tentangnya? Tidak terdapat dalam sebarang brosur penerbangan, tetapi melalui Al-Quran dan Al-Hadith.

Di mana penerbangan bukannya melalui Air Asia atau Air Jordan, tetapi Al-Jenazah. Di mana bekalan kita bukan lagi beg seberat 23 kg, tetapi amalan yang tiada caj lebih berat, atau tiada caj lebih berat ianya atas kesudian Pencipta kita.

Di mana bajunya bukan Pierre Cardin, Dunhill atau setaraf dengannya tetapi kain putih *cotton*. Di mana pewanginya bukan Chanel atau Paco Rebone, tetapi air mawar dan cendana. Di mana pasport kita bukan Malaysia, British atau American, tetapi Al-Islam. Di mana visa kita bukan lagi sekadar 6 bulan, tetapi 'Lailaillah'.

Di mana pelayannya bukan pramugari jelita, tetapi Izrail dan lain-lain. Di mana layanannya dalamnya bukan lagi kelas business atau ekonomi, tetapi sekadar kain yang diwangikan. Di mana destinasi mendarat bukannya KLIA, Heathrow Airport atau Jeddah International, tetapi tanah perkuburan. Di mana ruang menunggunya bukan lagi bilik air-cond dan permaidani, tetapi bilik 6 kaki dalam gelap gelita.

Di mana pegawai imegresen bukanlah pihak Kastam, tapi adalah Munkar dan Nakir. Mereka hanya memeriksa samada kita layak ke destinasi yang diidamkan bukan Disneyland, Paris atau London tetapi samada Syurga atau Neraka.

Di mana tidak perlu pegawai kastam dan alat pengesan. Di mana lapangan terbang transit adalah Al-Barzakh.

Di mana destinasi terakhir, sama ada Syurga yang mengalir sungai di bawahnya atau Neraka Jahannam?

Penerbangan ini tidak dinyatakan nilainya. Ianya percuma, jadi simpanan (*savings*) anda tidak akan dihabiskan.

Penerbangan ini tidak akan dirampas, oleh itu tidak perlu bimbang. Sebarang sajian tidak akan disediakan, oleh itu tak perlu risaukan masalah alergi atau halal-haram makanan

Jangan risaukan delays, penerbangan ini sentiasa tepat waktunya, ia berangkat dan tiba tepat ada masanya.

Jangan fikirkan tentang hiburan dalam penerbangan, anda telah hilang selera bersuka-ria. Jangan bimbang tentang tempahan, ia telah siap ditempah sejak anda disenyawakan di dalam rahim ibu lagi.

### Borang Sumbangan Kepada Darul Atiq

Saya ..... No Tel : .....

beralamat di.....

ingin memberikan sumbangan berikut ( tanda 'X' dan isi mana yang sesuai ) :-

\_\_\_ : Wang bernilai RM ..... ( Tunai/No Cek : ..... )

\_\_\_ : Wang dibank-in Ke Akaun Maybank 162076546024

\_\_\_ : Barangan makanan : Gula / Beras / Tepung / Susu / Minyak Masak / Mee Hoon / Biskut ( Jika perlu, sila email kepada roin\_dean@yahoo.com untuk urusan pengambilan )

\_\_\_ : Saya bersedia untuk memberikan sumbangan tetap di atas secara bulanan.

\* Akaun Bank & Cek adalah atas nama Ghazali Hasbullah.

**Sila Fotostat Jika Perlu**

Khas Sempena Maal Hijrah 1427H



**DISKUSI IBUBAPA CEMERLANG ANAK GEMILANG**  
**17 Februari 2007 ( Juma'at )**  
**mulai 7.30 malam**  
**di Surau Al-Hidayah Saujana Utama**



**Anjuran  
Bersama**



**PENDAHULUAN**

Jika pada tahun lalu, pihak surau menganjurkan Diskusi Rumahku Syurgaku bersama Ustazah Nor Baiyah Mahmood dan suaminya Ustaz Wan Akasyah, maka pada tahun ini pihak surau terus menganjurkan satu lagi program berbentuk 'parenting' yang dinamakan Diskusi Ibubapa Cemerlang Anak Gemilang.

**OBJEKTIF**

- a. Untuk melahirkan keinsafan perlunya diwujudkan suasana kecemerlangan di kalangan pelajar.
- b. Untuk membuka ruang minda pelajar supaya menjadi pelajar cemerlang.
- c. Untuk menimbulkan keyakinan yang mendalam perlunya gabungan yang mantap di antara ibu bapa, guru-guru dan para pelajar dalam usaha mencapai kecemerlangan.
- d. Untuk membantu menyelesaikan masalah disiplin dan salah laku di kalangan pelajar.
- e. Untuk sama-sama berikrar mewujudkan budaya cemerlang khususnya dalam menghadapi peperiksaan.

**METODOLOGI**

Program ini dikendalikan dengan pendekatan bersepadu melibatkan empat komponen manusia yang menyentuh aspek-aspek kerohanian, mental, intelektual dan fizikal. Bengkel ini menekankan peri pentingnya proses pembelajaran disalurkan menerusi sesi perbincangan, pembentangan, soal jawab dan membuat rumusan dalam bentuk agenda bertindak. Program ini dikendalikan dalam suasana kasih sayang, hormat menghormati, terangsang dan menyeronokkan.

**PENERAJU UTAMA**

AKRAB diteraju oleh Dato' Dr Hasan Hj Mohd Ali. Beliau mendapat ijazah pertama B.A (Hons) daripada Universiti Malaya, Ijazah Sarjana (MSc) daripada University of Pittsburgh, USA dan Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) daripada University of Wisconsin, USA.

Dr Hasan pernah berkhidmat dengan kerajaan dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Konsultant Pengurusan Korporat dan Aktivist Masyarakata. Beliau mempunyai ilmu dan kepakaran dalam bidang pendidikan kekeluargaan dan kecemerlangan keluarga serta pelajar. Dr Hasan merupakan pengasas program "summer camp", "smart learning" dan pendidikan keibubapaan di Malaysia.

Beliau telah mengusahakan penulisan buku-buku sejumlah 32 tajuk yang bertemakan kecemerlangan keluarga dan pelajar. Beliau juga merupakan pakar motivasi terulung di negara ini.

**YURAN**

Tiada yuran dikenakan. Ibubapa dikehendaki membawa anak masing-masing. Jangan lepaskan peluang ini.

**Diskusi Ibubapa Cemerlang  
Anak Gemilang**



Muslimin Muslimat Dijemput Menyertai ....

# Bowling Amal Al-Hidayah



**Untuk Tabung Pembinaan  
Bangunan KAFA Integrasi  
Darul Syhadah  
Pada 19 Febuari 2006,  
Di U-Bowl One Utama**

Penyertaan Sepasukan 4 orang.  
Bayaran Penyertaan ( Minimum )  
- Warga Saujana RM 200  
- Pertubuhan/Korporat RM 500

Pelbagai Hadiah Menarik  
Disediakan Untuk Pemenang.  
Cenderahati Istimewa Bagi  
Setiap Peserta.

Untuk Borang & Keterangan Lanjut,  
Sila Hubungi Sdra Shaari Nasir ( 012-9250237 ) atau  
lawati <http://alhidayah.saujanautama.com>


**KELAS MENGAJI AL-QUR'AN DAN MUQADDAM  
DI KELAS KAFA INTEGRASI DARUL SYHADAH  
JALAN DAHLIA 3  
( LOT KEDAI BERTENTANGAN SURAU AL-HIDAYAH )**

Setiap Hari Isnin hingga Jumaat  
Mulai 7.30 Malam ( Selepas Solat Maghrib )  
Dikendalikan Oleh Ustaz KIDaS  
Yuran Hanya RM 15 Sebulan  
Terbuka Untuk Semua Remaja Dan Kanak-Kanak

Aktiviti Surau Al-Hidayah

## Anjung Al-Hidayah





## Jadual Program/Kuliah Mingguan Di Surau Al-Hidayah

Tarikh	Masa	Penceramah	Tajuk/Bidang
Setiap Khamis	9.00mlm	Majlis Tahlil & Bacaan Yassin	
Setiap Juma'at	7.50mlm	Us Yahya Mat Noh	Tajwid
Setiap Sabtu Pertama	7.50mlm	Us Kamaruddin	Tafsir Juzu Amma
Setiap Ahad Pertama	7.50mlm	Us Mohd Nizam	Hadis Qudsi
Setiap Sabtu Kedua	7.50mlm	Us Abdul Latif Abdul Razak	Ihyaulumiddin
Setiap Ahad Kedua	7.50mlm	Us Junaid Talip	Solat Jemaah
Setiap Sabtu Ketiga	7.50mlm	Us Amaluddin Mohd Napiah	Sirah
Setiap Ahad Ketiga	7.50mlm	Us Solehin Mukhyi	Tafsir Al-Baqarah
Setiap Sabtu Keempat	7.50mlm	Us Mohd Nasir	Akidah
Setiap Ahad Keempat	7.50mlm	Us Mohd Zaid Hamzah	Feqah

### FORUM SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH SURAU AL-HIDAYAH SAUJANA UTAMA

**TAJUK : HIJRAH KE ARAH MANA ?**

**BERSAMA**  
**PROD MADYA DR FAUZI DERAMAN**  
**( UNIVERSITI MALAYA )**  
**DAN**  
**IR SAARI SUNGIP**  
**( EX-PRESIDEN JIM )**


**11 FEBRUARI 2006, 9.15 MALAM**

**DI DATARAN AL-HIDAYAH**  
**MUSLIMIN DAN MUSLIMAT DI JEMPUT HADIR**

**Sumbangkan Suratkhbar Lama Dan Pakaian Terpakai Anda  
Ke Surau Al-Hidayah**

**Hasil jualan suratkhbar lama akan dimasukkan ke dalam tabung  
surau manakala pakaian terpakai akan diberikan kepada badan  
kebajikan serta pertubuhan yang memerlukan ...**

**Untuk Berita & Info Terkini Saujana Utama, Lawati ...**





## Iklaneka Iklaneka Iklaneka Iklaneka Iklaneka Iklaneka

### DEMIMASA ALBUM: DEMIMASA MUNSYID: RAIHAN

Demi masa sesungguhnya manusia kerugian  
Melainkan yang beriman dan beramal soleh  
Demi masa sesungguhnya manusia kerugian  
Melainkan nasihai kepada kebenaran dan kesabaran

a a a .....

Gunakan kesempatan yang masih diberi  
Moga kita takkan menyesal  
Masa usia kita jangan disiakan kerna ia takkan kembali

Ingat lima perkara sebelum lima perkara  
Sihat sebelum sakit  
Muda sebelum tua  
Kayasebelum miskin  
Lapang sebelum sempit  
Hidup sebelum mati

(Ingat lima perkara sebelum lima perkara)  
(Ingat lima perkara sebelum lima perkara)

.....

Senikata lirik lagu Kumpulan Nasyid RAIHAN “Demi Masa”,  
dipetik daripada Sabda Rasulullah SAW:

“Rebutlah lima perkara sebelum lima perkara;  
Masa sihat sebelum sakit; Masa muda sebelum tua;  
Masa kaya sebelum miskin; Masa lapang sebelum sempit  
dan Masa hidup sebelum mati”

Cuba kita kaitkan hadis tersebut dengan perlindungan  
Takaful (Insurans Islam) dengan diri kita:

- Masa sihat sebelum sakit : Apabila tubuh badan kita sihat dan kuat, mudahlah bagi kita untuk mendapatkan perlindungan berbanding setelah kita mendapat penyakit.
- Masa muda sebelum tua : Semasa usia mudalah seharusnya kita merancang untuk menentukan halatuju hari tua kita. Kadar perlindungan semasa muda lebih tinggi berbanding semasa usia kita telah menjadi tua.
- Masa kaya sebelum miskin : Semasa kita berkemampuan untuk mendapatkan perlindungan kita harus menggunakannya sebelum kesusahan melanda kita.
- Masa lapang sebelum sempit : Semasa kita mempunyai masa maka pergunakanlah sebaik mungkin sebelum kita kesuntukan masa (mendapatkan perlindungan).
- Masa hidup sebelum mati: Nyawa yang dipinjamkan oleh ALLAH perlu dipergunakan sebaiknya sebelum di ambil kembali (tiada perlindungan bagi yang telah mati).



Takaful Ikhlas Sdn Bhd  
No.2, Jalan Lili 4, Saujana Utama,  
47000 Sungai Buloh, Selangor

**Wakil Bertauliah Anda**  
**ZAMRI HASSAN**

Tel: 019-6492261  
Email: zamidas@yahoo.com



***Pastikah Anda !!!***  
***Bahawa air yang digunakan***  
***adalah bersih***

**CUCI TANGKI RUMAH ANDA  
YANG BERKELADAK!!**

**RM80**

**0172390768**

**0122618070**

**Petis Rojak Buah**

**Warisan Tradisi**  
**Asli**



**Dapatkan di No 37, Jalan Flora 3,  
Taman Saujana Utama  
atau Tel 012-3505544**



Ruang Iklaneka. Tel 013-6344559 Untuk Tempahan.

## *ANDA SIHAT KELUARGA BAHAGIA TUALA WANITA SUSEN*

### KEPERIBADIAN YANG UNIK:

**LAPISAN LUAR DARIPADA KAPAS ASLI, CEPAT MERESAP, ULTRA NIPIS, MENGANDUNGI FORMULA KHAS HERBA ASLI, KANDUNGAN BIO-TEK & ANTI BAKTERIA, PELAPIK KHAS TELUS UDARA, SEGAR & TIDAK BERBAU, TIDAK BERACUN DAN BERMUTU TINGGI.**

### ANTARA KEBAIKAN TUALA WANITA SUSEN:

- Tahan 12 jam tanpa kebocoran dan terasa kering senantiasa.
- Menghilangkan penyakit keputihan.
- Membasmi kuman dan kulat.
- Mencegah senggugut.
- Menghilangkan bau dan gatal-gatal.
- Mengecutkan rahim dan mengetatkan kembali sistem peranakan.
- Menjimatkan kos dan masa serta banyak lagi!



**Jadi kenapa mesti menderita setiap bulan ?  
Jangan dicari-cari lagi. Dapatkan segera.**

### Produk-produk lain yang boleh didapati :

#### Istimewa untuk wanita

- a. **Femaling** – untuk tenaga dalaman, kecantikan semulajadi, melambatkan proses penuaan dan pencegahan kanser payu dara. Jadilah seorang wanita yang hebat.
- b. **Slimming suit** – murah daripada RM299.00
- c. **Fibre** dan banyak lagi.

#### Istimewa untuk lelaki

- a. **Pronoton** – untuk mempertingkatkan kesihatan keseluruhan, pengurusan prostat dan pencegahan kanser prostat. Dapatkan pek percubaan mengandungi 2 kapsul Pronoton, risalah dan CD Dr Ismail Thambi berharga RM 15. Pasti anda tidak kecewa.

Untuk pesanan dan khidmat nasihat, sila hubungi :

- a) **Hamid** : [hamid.su@gmail.com](mailto:hamid.su@gmail.com)
  - b) **Rozanna** : [zanna.su@yahoo.com](mailto:zanna.su@yahoo.com)
- Tel : 012 2093532 / 03- 60382490

Untuk maklumat lanjut produk, sila layari :


- i. [www.mayfirst.com.my](http://www.mayfirst.com.my)
- ii. [www.lifecode.com.my](http://www.lifecode.com.my)



\* Dijamin halal oleh JAKIM dan didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia  
\*\* Penghantaran istimewa untuk penduduk Saujana Utama dan kawasan berhampiran \*\*



# MENANGI 3 HADIAH ISTIMEWA



TEKA SILANGKATA - SIRI A2

### Melintang

- 1 Bendahari Surau Al-Hidayah
- 7 Adanya ada gaji
- 9 Ombak besar gila !!
- 10 Tidak berperang
- 11 Musuh No 1 Negara ?
- 12 Lulus di sisi undang-undang
- 13 Kerusi ?
- 17 Daerah Tempat Tinggal
- 18 Kumpulkan
- 19 Rakan karib
- 20 Perhiasan nilai wang
- 23 Salah satu jalan di SU

### Menegak

- 1 Orang Surohan
- 2 Dunia, bumi
- 3 Mohon Petunjuk
- 4 Menarik
- 5 Al-Hidayah di Persiaran Saujana ....
- 6 Harapan Jemaah Haji
- 7 Sekolah Agama di Al-Hidayah
- 8 Rela, mulai berkurang ...
- 14 Keimanan
- 15 Cemuhan ( Minangkabau )
- 16 Ganti siang
- 19 Rukun Islam Kedua
- 21 Bersih, tidak bernoda
- 22 Senyap, tidak bercakap

## Borang Penyertaan

Nama : ..... No Tel : .....

Alamat : .....

No KP : ..... Umur : ..... tahun

Suara Al-Hidayah akan lebih menarik jika .....

..... ( tidak lebih 20 perkataan )

### Syarat Penyertaan

1. Penyertaan dibuka kepada ahli kariah Al-Hidayah, kecuali AJK Al-Hidayah dan keluarga.
2. Penyertaan boleh menggunakan borang penyertaan yang difotostat.
3. Setiap pembaca hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan.
4. Pemenang ditentukan menerusi ketepatan jawapan yang diberikan serta slogan terbaik.
5. Penyertaan hendaklah dialamatkan kepada Peraduan TeKa Silangkata Suara Al-Hidayah, No 37, Jalan Flora 3, Saujana Utama **sebelum 12.00 tengahari, 1hb Mac 2006.**
6. Keputusan adalah muktamad, tiada sebarang bantahan dibenarkan.